

Isu Asia Barat krisis kemanusiaan: PM

BH - 9/2/2020 M/S: 2

Tanggungjawab keamanan
pastikan keadilan wajar dipikul semua agama

Oleh Suzalina Halid dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Petaling Jaya: Tun Dr Mahathir Mohamad mahu semua pihak membuka mata dan tidak menganggap isu penindasan yang membelenggu Palestin sejak sekian lama adalah berkaitan agama semata-mata.

Perdana Menteri menegaskan, isu yang menimpa negara Asia Barat itu sebaliknya lebih cenderung kepada soal ketidakadilan dan krisis kemanusiaan.

Sehubungan itu, katanya, tanggungjawab menjaga keamanan dan memastikan keadilan ditegakkan, wajar dipikul semua pihak, merentasi segenap kepercayaan agama.

"Saya pernah bercakap mengenai isu Palestin di Jepun. Setakat ini saya belum berbuat demikian di China, tetapi mungkin juga kita akan bercakap mengenai Palestin di China.

"Bagaimanapun, persoalan yang saya ingin tekankan di sini adalah isu yang sedang berlaku di Palestin berkisar soal keadilan dan kemanusiaan, bukannya soal Islam atau bukan Islam. Agama tidak ada kena mengena.

"Apa yang berlaku di Palestin meniadakan hak asasi mereka. Saya fikir ini sepatutnya kita pandang serius," katanya pada

sidang media selepas merasmikan Persidangan Liga Ahli Parlimen Untuk al-Quds, Ke-3, di sini, semalam.

Liga berkenaan dibentuk hasil gabungan ahli Parlimen seluruh dunia yang menyokong al-Quds atau Baitulmaqdis. Sehingga kini, kira-kira 3,000 ahli Parlimen sudah menandatangani ikrar al-Quds.

Antara delegasi yang menyertai persidangan kali ini ialah Presiden Liga Ahli Parlimen Untuk al-Quds, Sheikh Hamid Abdullah Al-Ahmar dan Ketua Pentadbiran Himpunan Nasional Agung Turki (TNGA), Hasan Turan.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir percaya pelan damai Israel-Palestin seperti dinyatakan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump, hanya akan mencetuskan lebih banyak konflik kepada Palestin dan menghadirkan lebih banyak bantahan daripada jutaan penduduk di seluruh dunia.

Menegaskan pelan damai itu hanya memberi lebih banyak kuasa kepada Israel dan terus menindas Palestin, beliau berkata, perjanjian dibentuk AS dan Israel tanpa rundingan dengan Palestin itu bersifat berat sebelah dan bagi menghentikan usaha membawa keadilan serta keamanan kepada penduduk berkepentingan.

"Negara berkuasa seperti Amerika Syarikat yang banyak memperjuangkan mengenai keadilan dan prinsip *rule of law* memilih untuk menghalalkan yang haram. Presiden Trump menghalalkan pendudukan Israel di Baitulmaqdis sebagai *Deal Of The Century*.

"Perjanjian ini tidak akan menjadikan Palestin negara berdaulat, sebaliknya hanya meningkatkan dominasi seperti

aparteid terhadap jutaan orang Palestin. Kali terakhir ia berlaku ketika Jerman menduduki Danzig dan Sudetenland.

"Justeru, Malaysia melihat ia (pelan damai) sama sekali tidak boleh diterima dan sangat tidak adil. Sungguh mengecewakan apabila selepas lebih tujuh dekad, hanya satu pihak, Israel yang dilihat wujud dalam 'penyelesaian dua negara'. Rakyat Palestin masih berjuang untuk mendapat keadilan dan keamanan," katanya.

Perdana Menteri juga menganggap Trump sewajarnya berundur daripada menjadi Presiden AS kerana kerap menggunakan isu negara lain demi kepentingan sendiri untuk dipilih semula menerajui negara kuasa besar dunia itu buat penggal kedua.

"Saya harap rakyat AS buat keputusan yang lebih baik. Trump meniadakan dasar negaranya sendiri dengan menggunakan isu tekanan negara luar untuk membantunya menang pilihan raya. Cara Trump ini mungkin diterima di AS, tetapi tidak di Malaysia.

"Jika ada orang luar yang didapati cuba mempengaruhi keputusan pilihan raya di sini, kita akan ambil tindakan terhadap orang itu di sini," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, dasar luar Malaysia terhadap Palestin kekal sejak berdekad lalu, iaitu tetap menyokong Palestin dengan mengiktiraf Deklarasi Kemerdekaan Palestin pada 15 November 1988.

"Walaupun Malaysia mahu bersahabat dengan semua negara dan menghormati kedaulatan tanpa mengira kepercayaan ideologi, kita mesti kekal memperjuangkan ketidakadilan dan mempertahankan hak mereka yang tertindas," katanya.